

MAC 2026

# WAKAF KITA



## SUMBANGAN SEMPENA MAJLIS IFTAR PERDANA

Kuala Nerus, 10 Mac 2026 – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menerima sumbangan berjumlah RM713,975.48 daripada pelbagai agensi, institusi kewangan dan individu sempena Majlis Iftar Perdana yang berlangsung di Masjid UniSZA.

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



MAC 2026

# WAKAF KITA



## WAKAF TOUR SEMPENA RAMADHAN (SIRI 2)



ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



MAC 2026

# WAKAF KITA



## HASIL WAKAF TOUR

**1,394**

Pewakaf  
sedia ada

**50**

Pewakaf  
baharu

**33**

Pewakaf sedia  
membuat  
tambahan dana

**2,107**

Dana baharu  
terkumpul (RM)

WAKAF UniSA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua PTJ yang telah memudahcarakan pelaksanaan Wakaf Tour di 18 lokasi terpilih sepanjang Ramadhan.

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



MAC 2026

# WAKAF KITA



## RANGKUMAN AKTIVITI WAKAF UniSZA



### 1 MAC 2026

Majlis Penganugerahan Biasiswa Alumni UniSZA 2026/2027. Anugerah disampaikan Prof. Dato' Dr. Fadzli Bin Adam, Naib Canselor UniSZA. Hasil: 3 pelajar ditaja melalui dana zakat.

### 15 MAC 2026

Kunjungan hormat ke MAIDAM, bertemu Yang Dipertua dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM, YBhg. Dato' Nara Setia dan Dato' Prof. Madya Dr. Ahmad Azrin bin Adnan.

Hasil: Perbincangan persediaan mesyuarat Jawatankuasa Dana Wakaf UniSZA.



### 16 MAC 2026

Penyerahan dana wakalah zakat perniagaan daripada Perodua Gong Badak kepada WAKAF UniSZA.

Hasil: Sumbangan wakalah zakat untuk kebajikan asnaf UniSZA.

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY

MAC 2026

# WAKAF KITA



## RANGKUMAN AKTIVITI WAKAF UniZA

Agihan Komputer riba kepada pelajar

Hasil: Agihan zakat dalam bentuk keperluan laptop kepada pelajar



ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



MAC 2026

# WAKAF KITA



## INFOGRAFIK WAKAF



### DEFINISI WAKAF

Wakaf merujuk kepada penyerahan harta, manfaat atau kepakaran bagi tujuan kebajikan menurut Hukum Syarak (diadaptasi daripada Enakmen Wakaf Terengganu, 2016).

### RUKUN WAKAF

- |                       |                            |                                        |                                  |
|-----------------------|----------------------------|----------------------------------------|----------------------------------|
| 1. Wakif<br>(Pewakaf) | 2. Mawquf<br>(Harta Wakaf) | 3. Mawquf 'Alaih<br>(Penerima manfaat) | 4. Sighah<br>(Lafaz/Ikrar Wakaf) |
|-----------------------|----------------------------|----------------------------------------|----------------------------------|

### KEBIASAAN HARTA YANG DIWAKAF



Buku



Bangunan



Wang



Tanah



### PRINSIP UMUM AMALAN WAKAF

#### 1. Tidak boleh ditarik balik

Apabila sesuatu harta sudah diwakafkan, pemilik tidak boleh ambil semula atau batalkan wakaf tersebut. Harta itu bukan lagi milik individu, tetapi menjadi milik Allah untuk manfaat umum.

#### 2. Kekal

Harta wakaf mesti kekal dan tidak terikat dengan tempoh masa. Ia perlu terus memberi manfaat kepada masyarakat selama-lamanya.\*

\*Tidak terpakai untuk wakaf *muaqqat* (wakaf sementara)

#### 3. Tidak boleh dipindah milik

Harta wakaf tidak boleh dipindahkan kepada orang lain dalam apa jua cara seperti dijual, digadai, diwariskan atau diberi sebagai hibah, sama ada oleh pewakaf, pentadbir atau penerima.

MAC 2026

# WAKAF KITA



## INFOGRAFIK WAKAF



### AUTORITI WAKAF



UNBANG-UNBANG  
NEGERI TERENGGANU

Terdapat 1000  
BUKTIAN WAKAF  
(TERENGGANU)  
2016



**MAIDAM**

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

"Majlis (Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu) hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, yang terletak di dalam Negeri Terengganu"



### WAKAF UniZA

- Perjanjian Usaha Sama Wakaf antara MAIDAM dan UniZA telah ditandatangani sejak 2016.
- Melalui perjanjian ini, kedua-dua pihak bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Dana Wakaf UniZA yang berperanan menentukan hala tuju serta memastikan projek wakaf dilaksanakan mengikut objektif yang ditetapkan.
- Pejabat Wakaf dan Endowmen (WAKAF) bertindak sebagai urusetia yang memastikan semua keputusan berkaitan Wakaf UniZA dilaksanakan dengan baik.
- Manfaat Wakaf UniZA disalurkan kepada warga UniZA seperti pelajar, pensyarah dan kakitangan, serta pihak lain yang dibenarkan, termasuk bukan beragama Islam.

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY

MAC 2026

# WAKAF KITA



## INFOGRAFIK ZAKAT

1

Fisabilillah merupakan salah satu daripada 8 asnaf yang layak menerima zakat. Ini disebut jelas dalam al-Quran

Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk golongan fakir, miskin, amil, muallaf yang dijinakkan hati mereka, hamba yang hendak memerdekakan diri mereka, orang yang berhutang, dan untuk jalan Allah, dan musafir yang terputus dalam perjalanan, sebagai satu ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana." (Surah al-Taubah: 60)

2

Walaubagaimanapun istilah fisabilillah difahami dalam kalangan ilmuan dengan dua pandangan: khusus dan umum

### Fisabilillah

#### Khusus

Jihad di medan perang bertujuan mempertahankan dan menegakkan agama

#### Umum

Usaha dan aktiviti yang bertujuan menegakkan agama

3

Pada tahun 2025, UniZA diberi kebenaran mengagihkan 1/8 dana wakalah melalui skim Potongan Zakat Berjadual (PZB) kepada asnaf fisabilillah



ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



**4** Mesyuarat Jawatankuasa Agihan Dana Wakaf UniSZA Dan Zakat (JAWAZ) telah memutuskan panduan agihan asnaf dana zakat fisabilillah pendidikan UniSZA seperti berikut:

1. Program hendaklah selaras dengan definisi asnaf fisabilillah MAIDAM dan berkaitan dengan pendidikan.
2. Pelaksanaan program adalah tertakluk kepada keutamaan semasa dan jumlah dana yang tersedia.
3. Program hendaklah memberi manfaat kepada warga universiti, sama ada dalam kalangan pelajar, staf, atau kedua-duanya.
4. Program di bawah dana zakat fisabilillah pendidikan UniSZA mesti dianjurkan oleh Pusat Tanggungjawab (PTj) rasmi universiti.
5. Justifikasi program perlu berdasarkan sejauh mana ia memenuhi salah satu atau lebih daripada lima Maqasid Syariah (objektif Syariah), dari sudut pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta.
6. Semua perbelanjaan program mestilah mematuhi garis panduan bajet mengurus universiti dan hanya meliputi keperluan program yang munasabah.
7. Setiap program hendaklah mempamerkan penghargaan 'Peruntukan Zakat MAIDAM' dan logo MAIDAM.
8. Laporan pelaksanaan serta kewangan program hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas program selesai.

MAC 2026

# WAKAF KITA



## KEMPEN POTONGAN ZAKAT BERJADUAL (PZB)

<https://ezakat.maidam.gov.my/online/pzb.php>



**Borang e-Potongan Gaji Zakat (ePGZ)**

1 Maklumat Pribadi

2 Maklumat Pekerjaan

3 Maklumat Potongan Gaji

4 Pengesahan dan Buta

**Isi maklumat peribadi**



**Borang e-Potongan Gaji Zakat (ePGZ)**

1 Maklumat Pribadi

2 Maklumat Pekerjaan

3 Maklumat Potongan Gaji

4 Pengesahan dan Buta

**PTJ semasa**



**Borang e-Potongan Gaji Zakat (ePGZ)**

1 Maklumat Pribadi

2 Maklumat Pekerjaan

3 Maklumat Potongan Gaji

4 Pengesahan dan Buta

**Amaun**



**Borang e-Potongan Gaji Zakat (ePGZ)**

1 Maklumat Pribadi

2 Maklumat Pekerjaan

3 Maklumat Potongan Gaji

4 Pengesahan dan Buta

**hassanzulki@unisza.edu.my**

Semakin besar pembayaran zakat staf melalui skim PZB, semakin besar dana wakalah yang akan diagih kembali oleh MAIDAM kepada UniSZA

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



MAC 2026

# WAKAF KITA



## PENCARIAN DUTA WAKAF UniSA



 **UNISA**  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

 **WAKAF UniSA**

### PENCARIAN *Duta* WAKAF UniSA

**Ayuh Serta Kami!**  
**Jadilah Ejen Kebajikan & Kedermawanan**

✓ **KRITERIA DUTA WAKAF**

- Mempunyai personaliti yang baik
- Berminat dan mempunyai kecenderungan terhadap aktiviti kebajikan dan kedermawanan
- Bersedia membantu WAKAF UniSA secara khusus serta UniSA secara am dalam pelaksanaan aktiviti berkaitan kebajikan dan kedermawanan

✓ **PERANAN DUTA WAKAF**

- Menjadi penghubung antara Pejabat Wakaf dan Endowmen dengan PTJ dalam menyampaikan maklumat serta informasi berkaitan wakaf
- Menjadi rujukan bagi sebarang maklumat berkaitan aktiviti, program dan inisiatif wakaf di peringkat PTJ
- Menyertai latihan atau program yang dianjurkan oleh Pejabat Wakaf dan Endowmen bagi memperkukuh pengetahuan serta kefahaman berkaitan amalan kedermawanan dan berwakaf

***Jom sertai kami!***  
**Imbas untuk pengisian penyertaan**



Tarikh tutup penyertaan 9 April 2026

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY

MAC 2026

# WAKAF KITA





## ADA HARTA UNTUK DIWAKAFKAN ?

WAKAFKAN HARTA ANDA UNTUK  
KESEJAHTERAAN UMMAH DAN PEMBANGUNAN  
MODAL INSAN UniZA



**KENAPA WAKAF** ✓ Pengurusan yg telus dan berakauntabiliti.  
**UniZA ?** ✓ Manfaat untuk ilmu dan kebajikan pelajar.  
✓ Mendapat kebenaran daripada MAIDAM.



HARTA TAK ALIH      HARTA TUNAI      KENDERAAN      BARANGAN & ASET LAIN

**HUBUNGI KAMI**

PEJABAT WAKAF DAN ENDOWMEN UniZA

 09-819 8978 / 8066  wakaf@unisza.edu.my

#WAKAFKITA #DEMIFAEDAHINSAN

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY

MAC 2026

# WAKAF KITA



يونس بن سينا  
**UNISZA**  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN



*Setinggi-tinggi Penghargaan*

DAN TERIMA KASIH KEPADA



atas tajaan buku

"Hidup Bermakna pada Akhir Zaman"

untuk program Tazkirah dan Wakaf Tour  
Sempena Ramadan 1447H

#WAKAFKITA #DEMIFAEDAHINSAN

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



MAC 2026

# WAKAF KITA



Disediakan:

Pejabat Wakaf dan Endowmen  
Universiti Sultan Zainal Abidin (WAKAF UniSZA)  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus  
Terengganu Darul Iman

Ikuti kami



**WAKAF UNISZA**

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY

